



moa
INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI



Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

PREMIS PENJAGAAN HAIWAN KESAYANGAN

(DVS/ KAKH/ 03/ 2014)

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN PREMIS PENJAGAAN HAIWAN KESAYANGAN

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia**

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya,
Malaysia.

Tel : 603-8870 2000
Fax : 603-8888 6472
Email : pro@dvs.gov.my

Cetakan Pertama - 2014

Penerbitan © JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

NO. ISBN : 978-967-0176-20-8

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, samada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630 Putrajaya, Malaysia.

Konsep, rekabentuk dan percetakan oleh:
JEMZ ADVERTIZING SDN. BHD
53-2 Jalan Dwi Tasik 1,
Dataran Dwitasik,
Bandar Sri Permaisuri,
56000 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel : 603-9173 9249
: 603-9174 2248
Fax : 603-9173 9250
Website : www.jemz.com.my

ISI KANDUNGAN

M/S

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	3
6.0	TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA	3-4
7.0	PENDAFTARAN MASUK	4-5
8.0	PERUMAHAN HAIWAN	5-8
8.1	Lokasi	
8.2	Pembinaan	
8.3	Saiz Sangkar	
8.4	Sistem Saliran	
8.5	Suhu	
8.6	Bunyi	
8.7	Pencahayaan	
8.8	Pengudaraan	
8.9	Bedding	
8.10	Keselamatan	
9.0	KEBERSIHAN	8-10
9.1	Pembersihan Dan Pembasmian Kuman	
9.2	Kawalan Makhluuk Perosak	
9.3	Pelupusan Bahan Buangan	
9.4	Kotak Najis (<i>Litter Trays</i>)	
10.0	PENGURUSAN	10
10.1	Penjagaan Haiwan	
10.2	Pekerja	
11.0	KESIHATAN	12-14
11.1	Pencegahan Penyakit	
11.2	Pemeriksaan Kesihatan	
11.3	Penjagaan Veterinar	
11.4	Pengasingan (<i>Isolation</i>)	

12.0 PEMAKANAN	13
12.1 Makanan	
12.2 Air Minuman	
13.0 SENAMAN	13-14
14.0 PENGANGKUTAN	14
15.0 PENGURUSAN HAIWAN YANG TIDAK DITUNTUT	14-15
16.0 REKOD	15
17.0 RUJUKAN	15

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Kebajikan haiwan telah menjadi agenda sosial masa kini yang melibatkan semua jenis haiwan termasuk juga haiwan kesayangan. Justeru itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Malaysia telah mengambil segala inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan Premis Penjagaan Haiwan yang merupakan suatu dokumen mengandungi piawaian kebijakan haiwan yang harus diikuti oleh semua pengusaha premis penjagaan haiwan supaya dapat mempraktikkan hal-hal kebijakan bagi memastikan kesejahteraan haiwan terpelihara.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini juga menerangkan secara terperinci tanggungjawab dan kemudahan yang perlu diamalkan oleh pengusaha di premis penjagaan haiwan iaitu dari segi pendaftaran masuk haiwan, perumahan haiwan, kebersihan, pengurusan, kesihatan, pemakanan, senaman, pengangkutan dan pengurusan haiwan yang tidak dituntut serta rekod harian dengan mengambil kira kebijakan dan kesejahteraan haiwan di premis tersebut.

Akhir kata, adalah menjadi harapan semoga kod amalan ini dapat menjadi panduan dan sumber rujukan kepada semua pengusaha berhubung kebijikan haiwan dalam mengurus premis penjagaan haiwan supaya lebih teratur dengan menitikberatkan aspek kebijakan serta kesejahteraan haiwan. Saya dengan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja juga kepada semua individu yang terlibat dalam penyediaan kod amalan ini.



DATO' DR. MOHAMAD AZMIE BIN ZAKARIA
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN PREMIS PENJAGAAN HAIWAN KESAYANGAN

1.0 PENDAHULUAN

Kebajikan haiwan harus diutamakan setiap masa. Dalam menguruskan haiwan, kebajikan dan kesejahteraan haiwan hendaklah diutamakan. Lima kebebasan yang menjadi nilai sejagat kebajikan haiwan perlu diambil kira dalam semua aspek pengendalian serta pengurusan premis penjagaan haiwan kesayangan.

Lima nilai kebebasan sejagat bagi haiwan adalah seperti yang berikut:

- i. Kebebasan daripada kelaparan dan kehausan.
- ii. Kebebasan daripada ketidakselesaan.
- iii. Kebebasan daripada kesakitan, kecederaan dan penyakit.
- iv. Kebebasan untuk memperlihatkan tingkah laku atau perwatakan yang normal.
- v. Kebebasan daripada ketakutan dan penderitaan.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini perlu dipatuhi oleh tuan punya, operator dan pekerja di premis penjagaan haiwan kesayangan. Semua premis penjagaan haiwan kesayangan juga perlu mendapatkan lesen atau permit dan berdaftar serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan sama ada oleh pihak berkuasa veterinar, atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk beroperasi sebagai premis penjagaan haiwan kesayangan.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama KAKH ini dikeluarkan adalah seperti yang berikut:

- 2.1 Memastikan kebajikan haiwan yang berada di premis penjagaan haiwan kesayangan terpelihara.
- 2.2 Memastikan premis penjagaan haiwan kesayangan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.
- 2.3 Memastikan premis penjagaan haiwan kesayangan mempunyai pengurusan yang sistematik.
- 2.4 Memastikan haiwan kesayangan dilayan dengan beretika dan kebajikannya terpelihara di premis penjagaan haiwan kesayangan.

3.0 SKOP

Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini menjelaskan amalan baik dan keperluan piawai minimum yang perlu dipatuhi dari segi kemudahan perumahan, kebersihan, pengurusan, penjagaan kesihatan, pemakanan, senaman dan pengurusan haiwan yang ditempatkan di premis penjagaan haiwan kesayangan untuk tujuan penjagaan sementara oleh operator.

4.0 DEFINISI

4.1 Bilik Pengasingan

Bilik khas yang terasing daripada tempat umum yang digunakan untuk menempatkan ternakan yang sakit, mempunyai pengudaraan sendiri dan berpintu.

4.2 Doktor Veterinar

Seseorang yang memegang mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual Kedua dan berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia seperti mana Seksyen 12 dalam Akta 147 - Akta Doktor Veterinar 1974.

4.3 Operator

Individu yang mengusahakan premis penjagaan haiwan kesayangan.

4.4 Pekerja

Individu yang bekerja di premis penjagaan haiwan kesayangan sama ada dibayar upah atau tidak oleh operator ataupun secara sukarela.

4.5 Premis penjagaan haiwan kesayangan

Premis yang berdaftar/berlesen yang mengambil alih tugas penjagaan haiwan di tempat selain tempat asal haiwan itu berada untuk tempoh tertentu mengikut perjanjian dengan tuan punya/pemilik haiwan tersebut.

4.6 Ruang Kuarantin

Kawasan khas yang digunakan untuk mengkuarantin haiwan yang baru didaftar masuk atau stok baharu haiwan dengan tempoh minimum 48 jam.

4.7 Sangkar perumahan

Sangkar yang digunakan untuk meletak haiwan.

5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan

6.0 TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA

Pengusaha premis penjagaan haiwan kesayangan bertanggungjawab untuk memastikan perkara yang berikut:

- 6.1 Menyediakan penginapan dan peralatan yang sesuai dengan keperluan fizikal dan tingkah laku haiwan yang berada di premis penjagaan haiwan kesayangan.
- 6.2 Melindungi haiwan daripada gangguan manusia, haiwan lain dan keadaan persekitaran yang berbahaya.
- 6.3 Menyediakan ruang yang mencukupi untuk haiwan berdiri, bergerak dengan bebas, meregang dengan sepenuhnya (*stretch fully*) dan berehat.
- 6.4 Menyediakan makanan yang bersesuaian dan air dalam kuantiti yang mencukupi dan bersih bagi mengekalkan kesihatan haiwan.
- 6.5 Melindungi haiwan daripada penyakit, ketidakselesaan dan kecederaan.
- 6.6 Mendapatkan perkhidmatan veterinar atau rawatan yang bersesuaian dengan segera sekiranya terdapat kes cederaan atau penyakit.
- 6.7 Memastikan kebersihan premis dan haiwan terpelihara.
- 6.8 Menyelia pemakanan, pemberian air dan makanan serta pemeriksaan harian untuk memastikan kesejahteraan haiwan kesayangan.
- 6.9 Menyelia pekerja sama ada yang bekerja sepenuh masa atau separuh masa ataupun sukarelawan.
- 6.10 Mengumpul, mengemas kini dan menyimpan rekod haiwan yang terdapat dalam premis.

- 6.11 Memastikan pekerja diberi latihan asas berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan.
- 6.12 Mematuhi mana-mana perundangan berkaitan dengan kebaikan dan kesejahteraan haiwan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

7.0 PENDAFTARAN MASUK

- 7.1 Semua haiwan kesayangan yang didaftar masuk mesti mempunyai tanda pengenalan dengan mikrocip.
- 7.2 Semua permintaan khas yang munasabah oleh pemilik atau doktor veterinar hendaklah dipenuhi oleh pengusaha premis penjagaan haiwan kesayangan bergantung pada keupayaan serta persetujuan kedua-dua belah pihak.
- 7.3 Maklumat berikut hendaklah direkodkan apabila haiwan kesayangan didaftar masuk di premis penjagaan haiwan kesayangan.
 - a) Nama haiwan.
 - b) Nombor Kad Pengenalan Haiwan Malaysia atau Pet Passport (jika ada).
 - c) Nama, nombor Kad Pengenalan atau nombor Pasport pemilik.
 - d) Alamat dan nombor telefon pemilik.
 - e) Tarikh haiwan daftar masuk dan daftar keluar.
 - f) Deskripsi bagi haiwan berkenaan, iaitu:
 - jantina
 - baka atau jenis
 - warna
 - ciri-ciri khas
 - status fisiologi (bunting, naik biang)
 - umur dan berat badan
 - g) Butiran kesihatan, iaitu:
 - status vaksinasi dan nyahcacing
 - status pencegahan cacing jantung (anjing)
 - status haiwan kesihatan diistihar
 - h) Nama dan nombor telefon doktor veterinar yang biasa merawat haiwan.
 - i) Maklumat pemakanan (diet) dan grooming

- 7.4 Sijil vaksinasi terkini yang merekodkan vaksinasi telah dibuat dalam tempoh 12 bulan sebelumnya hendaklah dikemukakan semasa pendaftaran masuk.
- 7.5 Haiwan yang ada atau disyaki mempunyai penyakit berjangkit tidak dibenarkan didaftar masuk ke dalam premis penjagaan haiwan kesayangan.
- 7.6 Anjing yang berumur kurang daripada empat bulan serta kucing yang berumur kurang daripada tiga bulan tidak dibenarkan didaftar masuk kecuali bersama ibu.
- 7.7 Kolar dan leash yang boleh membahayakan haiwan lain hendaklah ditanggalkan semasa daftar masuk.
- 7.8 Langkah keselamatan perlu diambil bagi haiwan yang berisiko mencederakan operator, pekerja dan haiwan lain.
- 7.9 Pemilik haiwan kesayangan hendaklah menandatangani surat memberi kebenaran kepada pihak operator premis untuk mendapat rawatan veterinar yang sewajarnya bagi haiwan berkenaan oleh doktor veterinar.

8.0. PERUMAHAN HAIWAN

8.1 Lokasi

- 8.1.1 Premis penjagaan haiwan kesayangan perlu berada di kawasan yang sesuai dan tidak menyebabkan ketidakselesaan atau kesengsaraan kepada haiwan kesayangan.
- 8.1.2 Kawasan premis penjagaan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai bekalan infrastruktur asas seperti air bersih dan elektrik yang mencukupi serta mempunyai sistem pembetungan atau tangki septik yang berfungsi dengan sempurna.

8.2 Pembinaan

- 8.2.1 Jika sangkar dibina atau diletakkan di luar bangunan premis (*outdoor*), sangkar mestilah mempunyai ciri yang berikut:
- Terlindung daripada hujan dan angin kencang.
 - Mempunyai tempat teduh yang mencukupi.
 - Separa tertutup supaya mempunyai kawasan tidur yang terlindung.
- 8.2.2 Jika sangkar haiwan dibina atau diletakkan di dalam bangunan (*indoor*), suhu, kelembapan dan pengudaraan hendaklah diambil kira.
- 8.2.3 Sangkar hendaklah dipisahkan antara satu sama lain.
- 8.2.4 Permukaan dalam sangkar hendaklah diperbuat daripada bahan yang kalis air, mudah dicuci, dan tidak menyebabkan kecederaan kepada haiwan.
- 8.2.5 Lantai premis hendaklah menggunakan bahan yang kalis air untuk memudahkan pembersihan dan melancarkan aliran air.
- 8.2.6 Premis penjagaan haiwan kesayangan hendaklah disediakan bilik pengasingan.
- 8.2.7 Landskap atau padang berumput yang menjadi sebahagian daripada *outdoor runs* hendaklah diselenggarakan dari semasa ke semasa dan dielakkan menjadi tanah berpasir.

8.3 Saiz sangkar

- 8.3.1 Saiz sangkar sama ada secara sendirian atau berkumpulan hendaklah mencukupi untuk haiwan makan, tidur, berdiri, duduk, baring dengan selesa, meregang dan bergerak dengan bebas. Keperluan saiz adalah seperti dalam Lampiran 1.
- 8.3.2 Tinggi sangkar hendaklah berada pada ketinggian yang sesuai untuk memudahkan pembersihan.

8.4 Sistem saliran

- 8.4.1 Kecerunan lantai hendaklah sekitar dua darjah untuk memudahkan air serta najis untuk mengalir ke longkang.
- 8.4.2 Perangkap sisa pepejal hendaklah disediakan bagi mengasingkan sisa pepejal dan cecair.
- 8.4.3 Perangkap sisa pepejal hendaklah dicuci setiap hari.

8.5 Suhu

- 8.5.1 Haiwan kesayangan hendaklah dilindungi daripada perubahan suhu yang ekstrem untuk meminimumkan ketidaksesuaian kepada haiwan.
- 8.5.2 Haiwan kesayangan yang lebih sensitif kepada perubahan cuaca perlu disediakan kemudahan peralatan untuk pemanasan atau penyejukan.

8.6 Bunyi

- 8.6.1 Bunyi daripada anjing yang menyalak mesti diuruskan supaya tidak menyebabkan kacau ganggu dengan menggunakan kaedah yang berikut:
 - Sangkar disusun supaya tidak menghadap satu sama lain.
 - Menghadarkan rangsangan luaran dengan meletakkan pemisah di antara sangkar.
 - Meletakkan seekor anjing sahaja dalam sangkar/ kennel atau dengan pasangan yang serasi.
- 8.6.2 Kucing hendaklah diletakkan berjauhan daripada anjing.

8.7 Pencahayaan

- 8.7.1 Pencahayaan hendaklah mengikuti tempoh dan kadar seperti mana keadaan semula jadi.
- 8.7.2 Cahaya matahari ialah sumber pencahayaan yang paling sesuai, namun begitu tempat teduh hendaklah disediakan.

8.7.3 Pencahayaan tiruan hendaklah disediakan untuk memudahkan pemeriksaan serta pembersihan kawasan sangkar.

8.8 Pengudaraan

Pengudaraan yang baik hendaklah disediakan untuk memastikan kawasan perumahan haiwan bebas daripada kelembapan atau bau busuk.

8.9 Alas Haiwan (*bedding*)

8.9.1 Semua sangkar perlu ada tempat tidur dan alas (*bedding*) yang sesuai.

8.9.2 Alas (*bedding*) untuk haiwan hendaklah ditukar sekerap yang mungkin supaya kekal bersih dan kering.

8.10 Keselamatan

8.10.1 Premis penjagaan haiwan kesayangan mestilah berkunci.

8.10.2 Setiap sangkar hendaklah dilengkapi dengan sistem kunci yang tidak dapat dibuka oleh haiwan kesayangan yang berada di dalamnya.

8.10.3 Alat pemadam api hendaklah disediakan di kawasan yang strategik dan dipastikan berfungsi mengikut peraturan pihak berkuasa berkenaan.

8.10.4 Premis hendaklah mempunyai penghadang keselamatan kedua selain pintu sangkar untuk mengelakkan haiwan kesayangan untuk terlepas.

9.0 KEBERSIHAN

9.1 Pembersihan dan pembasmian kuman

9.1.1 Kawasan premis penjagaan haiwan kesayangan dan tempat senaman hendaklah dikekalkan kebersihan supaya kesihatan haiwan kesayangan terpelihara dan penyakit dapat dicegah.

9.1.2 Najis hendaklah dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

- 9.1.3 Kawasan premis penjagaan haiwan kesayangan hendaklah dibersihkan setiap hari dan dinyahkumankan sekali seminggu.
 - 9.1.4 Sangkar dan tempat senaman hendaklah dibersihkan setiap hari dan dinyahkumankan sekali seminggu atau sebelum haiwan kesayangan baru dimasukkan.
 - 9.1.5 Pembersihan kawasan premis penjagaan haiwan kesayangan, sangkar dan tempat senaman juga perlu dibuat setiap kali selepas wabak penyakit berjangkit berlaku di dalam premis penjagaan haiwan kesayangan.
 - 9.1.6 Bahan serta alatan untuk pembersihan dan pembasmian kuman yang digunakan hendaklah bersesuaian, selamat dan berkesan.
 - 9.1.7 Rekod pembersihan dan pembasmian kuman kawasan premis, sangkar dan tempat senaman perlu disimpan.
- 9.2 Kawalan makhluk perosak**
- 9.2.1 Makhluk perosak hendaklah dikawal.
 - 9.2.2 Bahan kimia yang digunakan untuk kawalan makhluk perosak hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan digunakan menurut spesifikasi produk.
- 9.3 Pelupusan bahan buangan**
- 9.3.1 Sisa pepejal dan karkas haiwan hendaklah dilupuskan segera dengan cara yang bersesuaian mengikut peraturan pihak berkuasa tempatan.
 - 9.3.2 Pelupusan sisa klinikal hendaklah dikendalikan oleh pengendali sisa klinikal yang dileSEN.
- 9.4 Kotak Najis (Litter Trays)**
- 9.4.1 Kotak najis hendaklah disediakan untuk kucing.
 - 9.4.2 Bahan yang bersesuaian hendaklah digunakan dan disediakan dengan kedalaman yang mencukupi.

- 9.4.3 Sarap (*Litter*) hendaklah sentiasa diperiksa, dibuang, atau ditambah apabila perlu.
- 9.4.4 Semua sarap (*litter*) hendaklah ditukar sekurang-kurangnya dua kali sehari dan kotak najis (*litter tray*) hendaklah dicuci dan dinyauhkuman.
- 9.4.5 Kotak najis yang baharu hendaklah disediakan untuk kucing yang baru masuk.

10.0 PENGURUSAN

10.1 Penjagaan haiwan

- 10.1.1 Haiwan kesayangan hendaklah dilindungi daripada ketidakselesaan (*distress*) atau kecederaan yang disebabkan oleh haiwan lain.
- 10.1.2 Spesies yang berlainan tidak boleh diletakkan berdekatan, walaupun daripada pemilik yang sama.
- 10.1.3 Haiwan kesayangan daripada pemilik yang berlainan tidak digalakkan untuk disimpan bersama.
- 10.1.4 Haiwan kesayangan harus diasingkan sekiranya haiwan tersebut mempunyai ciri yang berikut:
 - Sedang menyusukan anak.
 - Bersifat garang.
 - Tua dan lemah.
 - Tidak divaksinasi atau status vaksinasi tidak diketahui.
 - Terlalu muda (anjing yang berumur kurang daripada empat bulan dan kucing kurang daripada tiga bulan).

10.2 Pekerja

- 10.2.1 Pekerja hendaklah sentiasa bersikap baik pada haiwan dan berpengalaman serta dilatih dalam mengendalikan haiwan kesayangan.
- 10.2.2 Pekerja hendaklah mengetahui tanggungjawabnya sendiri dan kompeten untuk melaksanakannya.
- 10.2.3 Bilangan pekerja perlu mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dengan baik dalam premis pembiakan.

11.0 KESIHATAN

11.1 Pencegahan penyakit

Haiwan kesayangan anjing dan kucing perlu dipastikan telah divaksinasi dengan vaksin asas (core vaccine) mengikut jadual seperti Lampiran 2 sebelum haiwan tersebut diterima masuk.

11.2 Pemeriksaan kesihatan

11.2.1 Haiwan kesayangan hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya dua kali sehari (pagi dan petang) untuk memantau keselesaan dan kesihatan haiwan.

11.2.2 Pekerja yang menjalankan pemeriksaan hendaklah memastikan setiap haiwan:

- makan
- minum
- berak
- kencing
- berperangai normal
- dapat bergerak dengan bebas
- tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda penyakit

11.2.3 Sebarang ketidaknormalan hendaklah dilaporkan kepada operator premis penjagaan haiwan kesayangan dengan kadar segera.

11.2.4 Sebarang ketidaknormalan yang dilaporkan hendaklah dimaklumkan kepada tuan punya haiwan tersebut.

11.3 Penjagaan Veterinar

11.3.1 Haiwan hendaklah dibawa/didapatkan khidmat veterinar daripada doktor veterinar jika menunjukkan tanda-tanda seperti yang berikut:

- Hidung berhingus (*runny nose*)
- Mata berair dan radang (*runny, discharging or inflamed eyes*)
- Bersin berulang kali (*repeated sneezing*)
- Batuk (*coughing*)
- Muntah (*vomiting*)

- Cirit-birit teruk, terutama sekiranya berdarah (*severe diarrhoea, especially if bloodstained*)
- Ketempangan (*lameness*)
- Tidak boleh berdiri atau berjalan (*inability to stand or walk*)
- Perdarahan atau pembengkakan bahagian badan (*bleeding or swelling of body parts other than the vulva of a female on heat*)
- Kesusutan berat (*weight loss*)
- Kelesuan ekstrem (*extreme lassitude*)
- Tiada selera makan (*no appetite*)
- Kesakitan ketara (*apparent pain*)
- Sawanatauterhuyung-hayang(*fits or staggering*)
- Pengembangan abdomen (*bloating of abdomen*)
- Tidak boleh kencing atau berak (*inability to urinate or defecate*)
- Bulu kasar (*rough coat*)
- Luka terbuka (*open wounds*)

11.3.2 Setiap premis penjagaan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti Lampiran 3.

11.4 Pengasingan (*Isolation*)

- 11.4.1 Haiwan yang disyaki atau mempunyai penyakit berjangkit hendaklah diletakkan di dalam bilik pengasingan.
- 11.4.2 Semua peralatan yang digunakan dalam bilik pengasingan hendaklah dikhususkan untuk penggunaan dalam bilik pengasingan sahaja.
- 11.4.3 Pekerja hendaklah mencuci dan menyahkan tangan sebelum dan selepas masuk ke dalam bilik pengasingan.
- 11.4.4 Pekerja hendaklah menguruskan haiwan yang sihat dahulu sebelum memasuki bilik pengasingan.

12.0 PEMAKANAN

12.1 Makanan

- 12.1.1 Haiwan hendaklah diberi makanan yang sesuai, tidak tercemar serta bernutrisi mengikut keperluan spesies, baka, keadaan fisiologi dan umur. Makanan hendaklah dalam kuantiti yang mencukupi serta dalam komposisi yang sesuai.
- 12.1.2 Makanan preskripsi hendaklah dibekalkan sendiri oleh pemilik haiwan.
- 12.1.2 Semua haiwan hendaklah diberi makan sekurang-kurangnya dua kali sekali.
- 12.1.3 Makanan hendaklah disediakan dengan cara yang bersih dalam bekas yang bersih dan tidak mudah tumpah.
- 12.1.4 Bekas makanan harus senang untuk diakses dan dibersihkan sekurang - kurangnya sekali sehari.
- 12.1.5 Baki makanan hendaklah dibuang secepat mungkin supaya tidak basi dan menarik lalat.

12.2 Air minuman

- 12.2.1 Air bersih hendaklah disediakan sepanjang masa secara ad libitum.
- 12.2.2 Bekas minuman harus senang untuk diakses dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

13.0 SENAMAN

- 13.1 Anjing digalakkan diberi peluang untuk bersenam sekurang-kurangnya 20 minit/se kali pada setiap hari bagi memenuhi keperluan yang berikut:
 - 13.1.1 Keperluan fisiologi.
 - 13.1.2 Memberi ruang untuk pemeriksaan visual pada anjing.

- 13.1.3 Memberi ruang anjing untuk meregangkan otot (*stretching*).
- 13.2 Penyediaan tempat senaman dalam kawasan premis adalah amat digalakkan.

14.0 PENGANGKUTAN

- 14.1 Haiwan kesayangan hendaklah dipindahkan dalam masa yang paling singkat. Haiwan tidak boleh ditinggalkan dalam kenderaan yang diletakkan di bawah matahari terik atau cuaca panas kecuali disediakan pengudaraan yang mencukupi atau di bawah teduhan yang bersesuaian.
- 14.2 Reka bentuk kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan haiwan kesayangan perlu mempunyai ciri-ciri yang berikut:
 - 14.2.1 Melindungi haiwan daripada kecederaan.
 - 14.2.2 Lantai tidak licin.
 - 14.2.3 Menjamin keselamatan pekerja dan orang awam.
 - 14.2.4 Melindungi daripada perubahan suhu yang terlampau.
 - 14.2.5 Mengelakkan haiwan daripada terlepas.
 - 14.2.6 Mudah dicuci dan dibasmi kuman.
- 14.3 Penyediaan sangkar yang bersih, selamat, kukuh dan mempunyai ruangan yang berasingan mengikut kesesuaian saiz haiwan bagi mengelakkan kecederaan.

15.0 PENGURUSAN HAIWAN YANG TIDAK DITUNTUT

- 15.1 Pengusaha premis penjagaan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai polisi berkaitan pengurusan haiwan yang tidak dituntut.
- 15.2 Kandungan polisi hendaklah merangkumi perkara yang berikut:

- 15.2.1 Tempoh penyimpanan (*holding period*)
 - 15.2.2 Kaedah pelupusan
 - 15.2.3 Prosedur menghubungi semula pemilik
 - 15.2.4 Caj-caj berkaitan
- 15.3 Pemilik hendaklah dimaklumkan mengenai polisi ini semasa haiwan kesayangan didaftar masuk dan menjadi syarat untuk dipatuhi oleh pemilik jika ingin mendaftar masuk haiwan kesayangan untuk *boarding*.
- 15.4 Polisi berkenaan mestilah mematuhi prinsip kebijakan haiwan.

16.0 REKOD

Pemilik premis penjagaan haiwan kesayangan hendaklah menyediakan, menyimpan dan mengemas kini rekod-rekod berkaitan pengurusan premis dan ia perlulah dikemukakan kepada mana-mana pihak berkuasa veterinar apabila diminta.

17.0 RUJUKAN

- 17.1 *Good Animal Husbandry Practice For Pets and Exotic Animal* (DVS Malaysia)
- 17.2 *Pet Boarding Establishments - Code of Practice for Boarding Catteries* (New Zealand)

Lampiran 1**SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN-----**

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/pen ini untuk maksimum 4 minggu)

Spesis	Keluasan lantai minima (sm ²)	Lebar minima (sm)	Ketinggian minima (sm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (sm ²)
ANJING anak anjing (8-16 minggu) kurang dari 3 kg lebih 3 kg dewasa (ketinggian) kurang dari 40 sm 40 – 70 sm lebih 70 sm	6,000 6,000 15,000 24,000 35,000	60 60 90 90 90	50 50 180 180 180	4 2 1 1 1	1,500 3,000
KUCING anak kucing (8- 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	4 1	1,500
ARNAB anak (6-12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	6 2	300 600
MARMUT	2,500	50	40	4	600
TIKUS	600	20	20	2	300
ULAR sehingga 100 sm 100 – 250 sm 250 – 400 sm lebih 400 sm	2,000 4,500 6,000 10,000	45 50 50 90	35 50 50 75	2 2 2 1	1,000
CICAK Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 sm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Biawak, naga, mengkarung untuk 30 sm panjang * untuk 50 sm panjang ** untuk 90 sm panjang ***	2,100 2,500 7,000	40 40 90	40 40 60	3 dewasa atau 10 juvana 2 dewasa or 5 juvana 1	350 600 3,500
Biawak untuk 120 sm panjang untuk 200 sm panjang	10,000 30,000	90 150	90 120	1 1	5,000 15,000
KATAK POKOK & TANAH kecil besar	1,800 2,500	30 50	40 30	3 6	400 150

KURA-KURA	Minimum Kedalam Air				
Karapas 0 -10 sm	1,800	Minima	20	3	300
Karapas 10 – 20 sm	3,600	30	30	3	600
Karapas lebih 20 sm	6,000	40	30	3	1,500

Nota: Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar. Ular sawa juvana (kurang daripada 40 sm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 sm². Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- * Kumpulan ini termasuk Mengkarung Batu Hitam (*Black Rock*), Pokok, Putih (*White's*) dan Belang
- ** Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesis gerak-pancut (*shower-moving*) seperti Lidah-biru (*Blue-tongue*), Sirapbelakang (*Shingleback* and *Gidgee*)
- *** Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja

Lampiran 2**VAKSIN ANJING YANG DISYORKAN** -----

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Distemper	MLV	BK or IO	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Canine hepatitis berjangkit CAV-1 or CAV-2	MLV Inactivated	BK or IO BK or IO	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
Jangkitan Parvovirus	MLV Inactivated	BK or IO BK or IO	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
Bardotellosi	Inactivated attenuated hidup	BK, IO or IN	6-8 >2	10-12 -	14-16 -	Tahunan Dua Kali Setahun
Parainfluenza	MLV	BK, IO or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
Leptospirosis	Inactivated	BR or IO	10-12	14-16	-	Tahunan
Rabies *	MLV	IO IO	12-16 12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali Tahunan / Tiga Tahun Sekali

* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri

VAKSIN KUCING YANG DISYORKAN

Penyakit	Jenis Vaksin	Cara Pemberian Vaksin	Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)	Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)	Vaksinasi Ulangan
Panleukopenia (FP)	Inactivated MLV MLV IN	BK or IO BK or IO IN	8-10 8-10 8-10	12-14 12-14 12-14	Tahunan Tahunan Tahunan
Viral rhinotracheitis (FVR)	MLV MLV IN Inactivated	BK or IO IN BK or IO	8-10 (atau lebih awal) 8-10 8-10 (atau lebih awal)	12-14 - 12-14	Tahunan Tahunan Tahunan
Penyakit Calicivirus (FCV)	MLV MLV IN Inactivated	BK or IO IN BK or IO	8-10 (atau lebih awal) 8-10 8-10 (atau lebih awal)	12-14 - 12-14	Tahunan Tahunan Tahunan
Pneummonitis	MLV	BK or IO	8	-	Tahunan
Rabies	Inactive MLV*	IO IO	12 12	-	Tahunan Tahunan
Feline Leukemia (FeLV)	Inactivated	IO	9 (atau kemudian)	2-3 kemudian	2-4 bulan selepas itu; kemudiannya tahunan

* Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV yang diluluskan pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies vaksin-terinduksi.

BK = Bawah kulit, IO = intraotot, IN = intrahidung

Lampiran 3

PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting (melengkung)
2. Pita
3. K-Y Jeli
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Dresing (tuala telfa)
8. Antiseptik (iodin dicairkan kepada 4%)
9. Kapas
10. Sarung tangan kulit
11. Pinset
12. Salin (saliniti: 0.9%, untuk melalukan air pada mata dan luka)
13. Termometer
14. Swab gauze
15. Pliyer (pemotong sisi)
16. Pen cahaya
17. Selimut biasa (untuk membawa haiwan)
18. Pencuci lapisan kulit
19. Pembalut (krep, pembalut vet)
20. Selimut

PENGHARGAAN

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu dan semua pihak yang terlibat menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan Premis Pembibitan Haiwan Kesayangan ini. Terutamanya kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah DVS Negeri dan juga kepada Kumpulan Kerja Penyediaan Kod Amalan ini.

Kumpulan Kerja Penyediaan Kod Amalan

Dr. Falizah Abdullah
Dr. Moktir Gardir Singh
Dr. Che Zalina Mohd Zaid
Dr. Khairina Akmar Khalid
Dr. J Thamotharan Jeyaraman
Dr. Norlida Adan
Dr. Norsuhanna Mohd Mokhter
Dr. R Pravina Vanthi Ramachandren
Dr. Ani Yardi
Dr. Tan I Lene
Dr. Helen Mitin
Dr. Zaitun Natahain Mohd Diah
Dr. Muhamad Syazwan bin Muhamad Sabri
Dr. Zaiton Hussien

Urusetia

Dr. Marzuna Md Yunus
Dr. JThamotharan Jeyaraman
En. Muhamad Hazmi bin Yaacob

NOTA



www.dvs.gov.my

ISBN 978-967-0176-20-8

9 7 8 9 6 7 0 1 7 6 2 0 8